

Siapa punya kerja?

FOKUS
DUN

Mohd Faiz Abu Hasan dan
Norafiqah Jamal

KESIDANG - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kesidang, Alex Seah Shoo Chin bersama agensi terlibat akan melakukan siasatan terperinci bagi mencari punca isu sampah yang memenuhi sebuah longkang di Limbongan.

Menurut beliau, siasatan itu perlu dilakukan memandangkan masalah sampah di kawasan berkenaan merupakan isu berulang.

Jelasnya, keadaan itu bukan sahaja mencacatkan pemandangan, bahkan boleh mengundang bahaya seperti kehadiran haiwan berbisa dan menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes.

"Kita difahamkan ada beberapa faktor menyumbang kepada isu sampah di Limbongan antaranya didakwa berpunca daripada warga asing yang mengabaikan kebersihan malah ada juga menyalahkan penduduk sekitar.

"Kita sedang menyiasat perkara ini disebabkan sampah yang

berlonggok kebanyakan adalah sampah botol minuman dan plastik yang berkemungkinan dibawa arus air dari komuniti perumahan berbeza selain ia juga berpunca dari sampah yang dibuang di tepi jalan oleh individu tidak bertanggungjawab," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Alex yang juga Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri berkata, sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, pihaknya meminta syarikat konsesi pembersihan menambah kekerapan jadual pembersihan di kawasan berkenaan.

"Untuk meningkatkan kekerapan jadual pembersihan ia akan melibatkan kos dan ini terpaksa dilaksanakan disebabkan kesedaran masyarakat masing kurang sehingga sanggup mengabaikan tanggungjawab mereka," katanya.

PERKASA BUDAYA KITAR SEMULA

Menurut Alex, bagi langkah jangka masa panjang, pihaknya



ALLEX

bakal menerapkan amalan kitar semula dan pengurusan sampah yang baik khususnya kepada generasi muda.

Katanya, untuk permulaan, kempen-kempen kesedaran akan diperbanyakkan bermula di sekolah sebelum diperluaskan kepada komuniti setempat.

"Menerusi hasrat ini kita akan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberi ke-



PEKERJA pembersihan membersihkan longkang di Limbongan yang dipenuhi sampah-sarap. Foto Shadan Othman

sedaran di sekolah-sekolah negeri ini dan sedikit sebanyak dapat mengatasi isu sampah ini.

"Kita akan menggerakkan usaha ini di setiap sekolah terutama dalam DUN Kesidang dan akan diperluaskan ke seluruh negeri bagi memastikan amalan kitar semula dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan," katanya.

UBAH MENTALITI KELAS KETIGA

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Shadan Othman ketika dihubungi Melaka Hari Ini meluahkan rasa kecewa terhadap sikap segelintir masyarakat yang tidak mempunyai kesedaran dalam isu pembuangan sampah.

Katanya, mengulangi tindakan membuang sampah domestik ke longkang menggambarkan sesetengah penduduk masih mempunyai mentaliti kelas ketiga.

Beliau berkata, meskipun sya-

rikat konsesi telah membersihkan longkang terbabit dua kali seminggu, namun, longgokan sampah tetap berlaku sehingga mencacatkan pemandangan dan menimbulkan rasa kurang selesa.

Justeru, beliau berkata, tindakan tegas akan diambil MBMB sekiranya berjaya mengesan individu yang membuang sampah terus ke dalam longkang.

"MBMB akan ambil tindakan tegas, kompaun akan terus dikeluarkan kepada sesiapa yang didapati membuang sampah terus ke dalam longkang.

"Kompaun dari RM250 hingga RM500 boleh dikenakan kepada mereka yang didapati membuang sampah terus ke dalam longkang dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Perkara ini bukanlah perkara baharu, ia sering terjadi namun tiada perubahan sikap diambil oleh penduduk sekitar bagi mengatasi isu longkang tersebut," katanya.



SHADAN ketika meninjau keadaan longkang di Limbongan yang dipenuhi sampah sarap. Foto Shadan Othman